

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020
DIBAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
KEMENTERIAN PERTAHANAN				
PEJABAT PENGURUSAN STRATEGI				
1	Strategic Management Review 2019/2020 Phase 1-2	Dasar	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melaksanakan kajian menyeluruh ke atas prestasi Kementerian Pertahanan dan membuat kalibrasi tertentu kepada objektif strategik pertahanan serta pengutamaannya 2. Melaksanakan ulangkaji keatas <i>Balance Scorecard</i> Korporat, kaedah laporan prestasi dan petunjuk-prtunjuk prestasi utama korporat 3. Mengulangkaji rangkakerja pengurusan strategik Kementerian Pertahanan 4. Menghasilkan dokumen perancangan strategik kemaskini Kementerian Pertahanan 	<p>Ulangkaji Pengurusan Strategik Kementerian Pertahanan 2019/2020 bertujuan untuk melaksanakan kajian menyeluruh ke atas prestasi Kementerian Pertahanan dan membuat kalibrasi tertentu kepada objektif-objektif strategik pertahanan dan pengutamaannya. Ianya juga mengulangkaji (review) <i>Balance Scorecard</i> Korporat dan kaedah laporan prestasi secara khususnya dan rangka kerja pengurusan strategik di Kementerian Pertahanan secara amnya. Ulangkaji ini melibatkan 3 fasa dan beberapa siri bengkel. Fasa 1 melibatkan sesi bersama pihak Pimpinan Eksekutif Kementerian Pertahanan [Menteri Pertahanan Kedua, Pemerintah ABDB, Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap], Fasa 2 melibatkan Pemerintah-Pemerintah Tentera dan Angkatan Bersama, Pengarah-Pengarah, Komandan-Komandan dan Ketua-Ketua Unit, manakala Fasa 3 melibatkan Pegawai-Pegawai Turus serta Pegawai-Pegawai Kanan. Proses review ini dilaksnakan secara <i>in-house</i> iaitu Pejabat Pengurusan Strategi Kementerian Pertahanan sebagai penyalaras dan pemudahcara.</p>